

Joan Rose, Pejuang Kualiti Air, Raih Anugerah Air Stockholm 2016

STOCKHOLM, 22 Mac 2016/PRNewswire/ --

Profesor Joan Rose, AS, dinamakan sebagai Penerima Anugerah Tokoh Air Stockholm 2016 atas sumbangan gigih beliau terhadap kesihatan awam dunia; dengan menilai risiko air terhadap kesihatan manusia dan mewujudkan garis panduan dan instrumen untuk pembuat keputusan dan masyarakat agar dapat meningkatkan kesejahteraan global.

Profesor Joan Rose menyandang jawatan Pengerusi Homer Nowlin bagi Penyelidikan Air di Universiti Michigan State. Beliau mendedikasikan kerjaya profesional beliau terhadap kualiti air dan kesihatan awam, selain merupakan pakar terkemuka dunia dalam bidang mikrobiologi air.

Ketika menerima berita tersebut, beliau berkata: “Saya amat berbesar hati kerana dapat menjadi sebahagian daripada barisan pemenang yang diiktiraf sebelum ini. Anugerah ini menggesa tumpuan diberikan terhadap isu paling penting berkaitan air pada abad ke-21 dan bagi saya, ialah kualiti air.”

Dalam satu petikan, Jawatankuasa Anugerah Air Stockholm berkata: “Hubungan antara mikrobiologi berkaitan air, kualiti air dan kesihatan awam sarat dengan ketidakpastian dari segi teori dan praktikal. Terdapat beberapa individu yang dapat menangani cabaran yang semakin meningkat dan berubah terhadap air bersih dan kesihatan; daripada sains moden dan kajian asal, melalui penyebaran secara profesional, mempengaruhi perundangan secara berkesan, memberi bimbingan kepada pengamal serta meningkatkan kesedaran awam. Joan Rose ialah contoh terulung gabungan bakat yang hebat ini.”

“Saya sentiasa dimotivasikan oleh prinsip kesihatan awam iaitu bagaimana untuk menghalang penyakit. Halangan utama, iaitu infrastruktur air kita mengalami kemerosotan atau tidak wujud sama sekali di banyak kawasan di dunia. Populasi global yang tidak mendapat akses kepada rawatan kumbahan berjumlah berbilion-bilion penduduk,” kata Profesor Rose.

“Profesor Rose kini memperjuangkan kesihatan semua manusia dan ekosistem akuatik. Beliau terus memperlihatkan kepimpinan yang hebat dalam usaha mewujudkan dunia yang lebih baik,” kata Pengarah Eksekutif SIWI Torgny Holmgren.

Joan Rose ialah pakar *Cryptosporidium* yang paling utama di dunia, membentangkan insiden yang semakin merebak dalam bekalan air pada tahun 1988. Pada tahun 1993, mikroorganisme tersebut menjangkiti lebih 400,000 individu dan membunuh 69 orang di Milwaukee, AS.

Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden, Penaung Anugerah Air Stockholm akan menyampaikan anugerah tersebut kepada Joan Rose dalam Majlis Anugerah Diraja pada 31 Ogos, sempena Minggu Air Sedunia 2016 di Stockholm.

Nota untuk Editor:

- Maklumat lanjut tentang Tokoh tersebut: <http://www.siw.org/swp2016>
- Facebook: <https://www.facebook.com/SIWImedia>
- Twitter: https://twitter.com/siw_water hashtag: #stockholmwaterprize

SIWI - Institut Air Antarabangsa Stockholm
Peti Surat 101 87, SE-100 55, Stockholm, Sweden
TELEFON +46-8-121-360-00
FAKS +46-8-121-360-01
E-MEL siwi@siw.org
<http://www.siw.org>

Sumber: Stockholm International Water Institute